

22 NOV 1997

Mahathir-Sokong

AHLI-AHLI BN MESTI SOKONG KERAJAAN PULIH EKONOMI NEGARA

KEPALA BATAS, 22 Nov (Bernama) -- Ahli-ahli Barisan Nasional (BN) mesti memberi sokongan sepenuhnya kepada pimpinan parti dan kerajaan terhadap langkah-langkah yang sedang diusahakan untuk memulihkan ekonomi negara.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata di sini hari ini, mereka juga hendaklah turut bekerjasama dengan memberi penerangan kepada rakyat tentang langkah-langkah yang diusahakan oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah itu.

Bercakap pada sidang berita selepas menemui para pemimpin komponen BN dan pemimpin masyarakat di sini, beliau berkata kerajaan berharap menerusi langkah dan tindakan itu, rakyat akan dipelihara daripada terlalu tertekan akibat masalah itu.

Abdullah, yang juga Menteri Luar dan anggota parlimen kawasan ini, berkata adalah perlu anggota BN memahami tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kerajaan dengan tertubuhnya Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang menggariskan 12 langkah yang akan dilaksanakan.

"Kerajaan yakin ekonomi negara akan dapat dipulihkan kerana asas-asas ekonomi adalah kukuh dan kita mempunyai kestabilan politik," katanya.

Di JELI, Umno bahagian Jeli menyokong penuh kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha menangani masalah-masalah yang dihadapi negara.

Ketua bahagiannya, Datuk Mustapa Mohamad, berkata mesyuarat tergempar Umno bahagian itu hari ini turut membentangkan beberapa penjelasan kepada anggota jawatankuasa Umno bahagian, pemuda dan wanita berhubung usul kepercayaan kepada Perdana Menteri dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Menteri Pembangunan Usahawan itu memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan kilang ais tiub, Crystal Ice, di Bukit Bunga.

Di TAWAU, kira-kira 200 belia tempatan yang mewakili pelbagai pertubuhan hari ini menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan menentang sebarang campur tangan negara asing dalam hal-ehwal dalaman negara ini.

Mereka terdiri daripada anggota Pergerakan Pemuda Umno Tawau, Angkatan Belia Islam Malaysia cawangan Tawau, Persatuan Kebangsaan Belia Sabah serta unit belia masjid daerah ini.

Sokongan itu disampaikan melalui Naib Ketua Pemuda Tawau, Tawfiq Abu Bakar Titingan pada persidangan berita di sini yang dihadiri kesemua 200 anggota pertubuhan berkenaan.

Tawfiq turut mengajak golongan belia dan persatuan-persatuan belia di seluruh Sabah agar menyatakan pendirian tegas mereka untuk menyokong usaha pemimpin negara memulihkan ekonomi yang terjejas ekoran kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham. -- BERNAMA

ZT IL AKD